

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : WISMA PUTRA, PUTRAJAYA
Tarikh : 6 JULAI 2004
Tajuk : UCAPAN SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN TABUNG
KEMANUSIAAN PEMBELAAN RAKYAT IRAQ

Y.B Datuk Joseph Salang Gandum
Timbalan Menteri Luar Negeri

Y.B Dato' Zainal Abidin Osman
Setiausaha Parlimen
Kementerian Luar Negeri

Y.Bhg Tan Sri Ahmad Fuzi Abd Razak
Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Hamid Bugo
Pengerusi Jawatankuasa Kutipan Derma Kemanusiaan Mangsa Perang Iraq,

Tuan-tuan/Puan-puan,

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH & SALAM SEJAHTERA

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk hadir sama di Majlis Penyerahan Sumbangan Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq ini.

2. Sepertimana yang kita sedia maklum, walaupun peperangan di Iraq telah diisytiharkan tamat pada 1 Mei 2003, namun keadaan di Iraq masih lagi tidak terkawal. Peperangan yang meletus dari 20 Mac hingga 1 Mei 2003 telah menyebabkan kematian mencecah 7,350 rakyat Iraq termasuk kanak-kanak yang belum mengenali erti peperangan. Peperangan ini turut melibatkan kemusnahan harta benda, kemudahan-kemudahan awam dan prasarana, tempat-tempat ibadah dan tempat-tempat bersejarah yang sebahagiannya mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Selepas perang diisytiharkan tamat oleh Tentera Bersekutu, keadaan huru-hara dengan letupan bom dan tembak-menembak masih lagi kerap berlaku. Sehingga kini, kematian rakyat Iraq dilaporkan mencecah lebih dari 11,317 orang. Malah, sejak meletusnya pertempuran pada 1 April 2004 di antara Tentera Bersekutu dengan puak militia Syiah dan puak Sunnah, kematian rakyat Iraq dilaporkan berlaku hampir saban hari. Keadaan ini dijangka akan berterusan sehinggalah Iraq mempunyai sebuah kerajaan berdaulat yang benar-benar stabil.

3. Malaysia sentiasa menyeru agar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) memainkan peranan utama dalam pemulihan keamanan, kestabilan dan kedaulatan Iraq. Seperti yang tuan-tuan/puan sediamaklum, YAB Perdana Menteri telah mengutuskan surat kepada lima anggota tetap Majlis Keselamatan PBB dan

Setiausaha agung PBB untuk menegaskan pendirian kita ini. Oleh itu, kita gembira kerana pandangan kita ini telah diterima dan terkandung dalam Resolusi 1546 Majlis Keselamatan PBB pada 8 Jun 2004 yang mana antar lainna menetapkan agar pihak Tentera Bersekutu telah menyerahkan kuasa kepada Kerajaan Sementara Iraq (Interim Government of Iraq-IGI) pada 30 Jun 2004. Sehubungan dengan ini, Malaysia mengalu-alukan penyerahan kuasa yang berlaku pada 28 Jun 2004, iaitu dua hari dari tarikh yang ditetapkan. Penyerahan kuasa ini menandakan detik bermulanya proses pemulangan semula kedaulatan sepenuhnya kepada rakyat Iraq. Kita berharap proses ini akan berjalan tanpa halangan yang besar agar pembentukan sebuah kerajaan Iraq yang berperlembagaan akan dicapai pada Januari 2006.

4. Malaysia bersama negara-negara Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam akan terus membantu Iraq secara aktif dalam proses peralihan kuasa ini. Kita bersedia untuk membantu pemulihan infrastruktur Iraq yang musnah teruk akibat perang di samping terus melibatkan diri dalam program kemanusiaan.

Tuan-tuan/Puan-puan,

5. Berdasarkan keadaan semasa di Iraq, kita masih mengalu-alukan sumbangan daripada orang-ramai dalam usaha bersama-sama kita untuk meringankan beban penderitaan rakyat Iraq. Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq yang telah ditubuhkan pada 17 Mei 2003 sehingga kini telahpun mengumpul sumbangan wang tunai berjumlah RM 15,484,137.30. Jumlah kutipan ini adalah hasil sumbangan Kerajaan, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan yang prihatin terhadap penderitaan yang sedang dialami oleh rakyat Iraq. Kerajaan Malaysia sendiri telah membuat sumbangan sebanyak RM 10 juta di awal penubuhan tabung ini.

6. Dalam melaksanakan amanah rakyat Malaysia di bawah tabung kemanusiaan ini, Kementerian Luar Negeri telah meneliti pelbagai program kemanusiaan di Iraq. Daripada hasil kutipan Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq, Kerajaan telah menyalurkan RM 6 juta kepada Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (MERCY Malaysia) bagi menjalankan misi-misi bantuan kemanusiaan di Iraq. Sejak mula beroperasi di Jordan pada 24 Mac 2003 sehingga kini, MERCY telah terlibat dalam pelbagai misi bantuan kemanusiaan, antaranya pemulihan Hospital Ibn Al-Quf dan Hospital Al-Mansoor di Baghdad. Bekalan perubatan dan peralatan kesihatan turut dihantar ke Iraq. MERCY juga telah terlibat dalam proses pembaikan bekalan air dan sistem kumbahan air.

7. Di bawah tabung ini juga, RM 3 juta telah disalurkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah bagi membiayai pengendalian sebuah pusat kesihatan komuniti di Nasiriyah, Iraq. Selain itu, 20,000 helai selimut yang bernilai RM 600,000 telah dibekalkan ke hospital-hospital di Iraq. Kerajaan juga telah meluluskan pembiayaan pembelian 3 unit ambulan bernilai RM 532,000 untuk diserahkan kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Iraq bagi kemudahan pengangkutan mereka supaya kerja-kerja kemanusiaan dapat dilakukan dengan lebih cekap dan berkesan.

8. Jumlah sebanyak RM 5.48 juta hasil sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan menunjukkan bahawa rakyat Malaysia berjiwa penyayang dan sentiasa prihatin terhadap masalah sejagat. Semangat dan usaha yang ditunjukkan oleh Jawatankuasa Kutipan Derma Kemanusiaan Mangsa Perang Iraq wajar dijadikan teladan kepada pihak-pihak lain agar dapat mengimbangi usaha dalam pembangunan ekonomi dengan usaha dalam memenuhi tanggungjawab sosial. Kejayaan Jawatankuasa Kutipan Derma Kemanusiaan Mangsa Perang Iraq memungut sebanyak RM 1 juta bagi sumbangan Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq adalah bukti bahawa sektor swasta di Malaysia sentiasa bergerak seiring dengan pendirian Kerajaan.

9. Sekalung tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa ini dan tahniah juga diucapkan buat jabatan-jabatan kerajaan dan individu-individu lain yang turut bersama-sama Kerajaan menyumbangkan tenaga dan wang ringgit dalam usaha meringankan beban penderitaan yang dihadapi oleh rakyat Iraq. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan terima kasih buat MERCY Malaysia, PBSM dan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan tempatan lain di dalam misi-misi kemanusiaan mereka di Iraq.

Tuan-tuan/puan-puan,

10. Saya berdoa supaya segala niat ikhlas dan usaha murni kita dalam usaha untuk meringankan penderitaan rakyat Iraq mendapat keredhaan dan sentiasa diberkati oleh Allah swt. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Kutipan Derma Kemanusiaan Mangsa Perang Iraq yang telah menyumbang sebanyak RM 1 juta dan juga kepada pihak-pihak lain yang telah sama-sama menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada Tabung Kemanusiaan Pembelaan Rakyat Iraq.

Sekian, terima kasih.

WABILAHI TAUFIK WAL HIDAYAH WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.